

Buku Kerja Aktiviti Murid bagi



Peringkat 3



Berdasarkan Siri Penjelajah Visual Alkitab

Kejadian - Pada Mulanya

Jilid 1: Dari Penciptaan sehingga Abraham

Jilid 2: Ishak, Yakub dan Yusuf

✝ Penerbitan Buku Kristian

SAMPLE

Buku Kerja Aktiviti Murid

bagi Peringkat 3

Berdasarkan

Siri Penjelajah Visual Alkitab

Kejadian - Pada Mulanya

Jilid 1: Dari Penciptaan sehingga Abraham

Jilid 2: Ishak, Yakub dan Yusuf

Hak cipta



Diterbitkan buat kali yang pertama di Malaysia pada 2024 oleh
Pristine World Sdn Bhd

Hak Cipta © 2024 Pristine World Sdn. Bhd, Malaysia

Hak cipta terpelihara. Tidak dibenarkan mengeluarkan ulang mana-mana bahagian buku ini dalam apa jua bentuk dan dengan cara apa jua sama ada secara elektronik, mekanik, fotokopi, rakaman, imbasan, atau cara lain sebelum mendapat izin bertulis daripada pemegang hak cipta.

Ayat-ayat Alkitab dipetik daripada **ALKITAB VERSI BORNEO**. Hak cipta © 2016 oleh Borneo Sabda Limited. Digunakan dengan kebenaran daripada Borneo Sabda Limited.

Hak cipta terpelihara.

Isi Kandungan

Kejadian Jilid 1

Pelajaran 1	Cerita Penciptaan	4
Pelajaran 2	Taman Eden	6
Pelajaran 3	Adam dan Hawa	8
Pelajaran 4	Kain dan Habel	10
Pelajaran 5	Nuh Membina Bahtera	12
Pelajaran 6	Banjir Besar	14
Pelajaran 7	Menara Babel	16
Pelajaran 8	Abram dan Panggilan Tuhan	18
Pelajaran 9	Abram dan Lut	20
Pelajaran 10	Janji seorang Anak Lelaki	22
Pelajaran 11	Abraham dan Perjanjian Tuhan	24
Pelajaran 12	Abraham merayu bagi pihak Sodom	26
Pelajaran 13	Apa yang berlaku di Sodom dan Gomora	28
Pelajaran 14	Ujian bagi Abraham	30

Kejadian Jilid 2

Pelajaran 15	Ishak dan Ribka	32
Pelajaran 16	Yakub dan Esau - Cerita Hak Anak Sulung	34
Pelajaran 17	Perjalanan Yakub	36
Pelajaran 18	Yakub dan Anak-anak Perempuan Laban	38
Pelajaran 19	Yakub kembali ke Kanaan	40
Pelajaran 20	Yusuf dan Abang-abangnya	42
Pelajaran 21	Yusuf dan Potifar	44
Pelajaran 22	Orang Tahanan dan Erti Mimpi	46
Pelajaran 23	Si Tukang Mimpi dan Raja	48
Pelajaran 24	Orang Tahanan menjadi Perdana Menteri	50
Pelajaran 25	Masalah Yakub	52
Pelajaran 26	Pertemuan dan Perdamaian Keluarga	54
Pelajaran 27	Penghujung Kejadian - Puak Menjadi Bangsa	56

Kejadian Jilid 1

Pelajaran 1: CERITA PENCIPTAAN

Tema:

Hanya Tuhan Pencipta yang layak menerima penyembahan kita.

Tujuan Pelajaran:

Tuhan itu sempurna dan benar. Dia menciptakan dunia ini dengan sempurna. Marilah kita mengingati akan kebenaran-Nya.

Petikan Alkitab:

Kej 1:1 – 2:3



Pelajari

Kunci Pelajaran:

1. Hanya ada satu Tuhan yang menciptakan Alam Semesta.
2. Ketika Alam Semesta diciptakan, ia dihakimi Tuhan sebagai baik. Tuhan berpuas hati dan gembira dengan dunia yang telah diciptakan-Nya. Ianya sempurna.

Ayat Hafalan:

“Pada mulanya Allah menciptakan langit dan bumi.”
Kejadian 1:1

Mencipta itu menarik!


Anagram. Berapa banyakkah perkataan yang kamu dapat ciptakan daripada satu yang diberikan?

Cth, Tumbuhan – tan, batu, umat, buat, muat

- | | |
|--------------|---------------|
| 1. Kekayaan | _____ , _____ |
| 2. Kehidupan | _____ , _____ |
| 3. Perhatian | _____ , _____ |
| 4. Waktu | _____ , _____ |

Mencari perkataan: Cari perkataan-perkataan ini di bawah. Ia boleh dibaca secara ke depan, secara ke belakang, ke atas, ke bawah atau pepenjuru. Bincangkan maksudnya dengan guru kamu.

1. Langit,
2. Bumi,
3. Tidak berbentuk,
4. Berkembang,
5. Rupa,
6. Ciptaan,
7. Nafas,
8. Mencipta,
9. Bertambah,
10. Takluki



Fikirkan tentangnya: Tuhan menciptakan semua yang saya dapat lihat, rasa, hidu dan pegang. Dia mahu menjadi raja saya, oleh itu saya akan gembira menyembah-Nya. Apakah maksudnya menyembah Tuhan?

Jawapan saya: _____

Isi tempat kosong di bawah dengan menukar huruf-huruf *condong* kepada huruf sebelumnya dalam susunan huruf. Cth., tukar **b** kepada a.

Aplikasi: Satu cara kita menyembah Tuhan ialah dengan **nfoubbuj jcvcbqb tbzb** = _____ . Apakah yang saya dapat lakukan pada hari ini untuk menyembah Tuhan?

Tindakan:

Saya perlu _____

Doa: Ya Tuhan, terima kasih kerana menciptakan saya. Tolong ajarkan saya untuk menyembah dan patuh kepada Engkau. Dalam nama Yesus, amin.

Kejadian Jilid 1

Pelajaran 2: TAMAN EDEN

Tema:

Tuhan gemar untuk bersekutu bersama kita. Kita perlu tetap akrab dengan-Nya dan mentaati Firman-Nya kepada kita.

Tujuan Pelajaran:

Tuhan telah memberikan kita tanggungjawab untuk menjaga dunia.

Petikan Alkitab:

Kej 2:4-25



Pelajari

Kunci Pelajaran:

1. Umat manusia diciptakan dengan kebolehan dan tanggungjawab yang istimewa. Tuhan menjadikan manusia dalam gambaran-Nya sendiri, dan memberikan mereka tugas untuk menjaga seluruh ciptaan Tuhan.
2. Tuhan mengasihi lelaki dan perempuan. Tuhan telah berbicara kepada Adam dan Hawa, lelaki dan perempuan yang pertama, dan membuat sebuah perjanjian dengan mereka. Adam dan Hawa boleh tinggal dalam Taman Eden selagi mereka mentaati Tuhan.

Ayat Hafalan:

Apabila aku melihat langit-Mu, hasil kerja jari-Mu, bulan dan bintang, yang Kautentukan, apakah manusia maka Engkau mengingatkannya, dan anak manusia maka Engkau mengendahnya?
Mazmur 8:3-4

Aneka Pilihan:

1. Siapakah yang menamakan semua binatang?
A. Tuhan B. Adam C. Hawa D. Eden
2. Bilakah Tuhan berehat daripada semua pekerjaan-Nya?
A. Hari pertama C. Hari keenam
B. Hari kedua D. Hari ketujuh

Kejadian Jilid 1

Pelajaran 3: ADAM DAN HAWA

Tema:

Tuhan itu suatu yang bersifat rohani dan peribadi. Dia sangat berkuasa, Dia bersekutu dengan manusia pada peringkat peribadi.

Tujuan Pelajaran:

Kita mempunyai persekutuan dengan Tuhan apabila kita taat kepada-Nya.

Petikan Alkitab:

Kej 3:1-24

Kunci Pelajaran:

Tuhan memberikan kita kebebasan dalam membuat pilihan. Kita boleh memilih untuk mentaati-Nya, dan menikmati persekutuan-Nya. Atau kita boleh memilih untuk tidak mentaati-Nya tetapi ini membawa kepada penghakiman dan perpisahan daripada-Nya.



Ayat Hafalan:


Kerana ganjaran dosa ialah kematian tetapi kurnia Allah ialah kehidupan kekal dalam Kristus Yesus, Tuhan kita.
Roma 6:23

Pelajari


Bagaimanakah kita bersekutu dengan Tuhan?




Petunjuk: Kita harus melakukan perkara-perkara ini pada setiap hari.




Selesaikan teka silang kata ini dengan cara bagaimana kita dapat bersekutu dengan Tuhan.




Lukiskan gambar dalam kotak untuk menunjukkan setiap pasang perkataan yang berlawanan.




Besar



Kecil



Membuat saya gembira



Membuat saya sedih



Membuat Tuhan gembira



Membuat Tuhan sedih

Tindakan:

Saya mentaati Tuhan dengan _____

Doa: Ya Tuhan, bantulah saya untuk mentaati dan menyenangkan-Mu. Amin.

Kejadian Jilid 1

Pelajaran 4: KAIN DAN HABEL

Tema:

Tuhan memberikan manusia peluang untuk bertaubat. Apabila mereka tidak melakukannya, akan ada akibat daripadanya.

Tujuan Pelajaran:

Apakah sikap kita ketika kita mengetahui kita telah berdosa terhadap Tuhan?

Petikan Alkitab:

Kej 4:1-26



Pelajari

Kunci Pelajaran:

1. Kain diberikan amaran untuk mentaati Tuhan, tetapi dia menolak untuk mendengarnya dan ini menyebabkan dia melakukan dosa dan membunuh.
2. Tuhan ialah hakim yang melihat segalanya. Dia ingin memastikan kita bertanggungjawab akan semua tindakan kita. Kain berfikir tidak ada yang melihat kesalahannya, tetapi Tuhan melihatnya dan menghukumnya.

Ayat Hafalan:

Dan berbelas kasihlah antara satu sama lain, bersikap baik, saling memaafkan, sebagaimana Allah telah mengampunimu dalam Kristus. Efesus 4:32

Bulatkan jawapan yang betul.

1. Kain _____ Habel. (tinggi daripada, cemburu akan, gembira dengan)
2. Kain menjawab Tuhan, "Adakah saya ialah _____ adik saya?" (patung, kawan, penjaga)
3. Kain sangat marah sehingga dia _____ adiknya, Habel. (mencium, membunuh, memarahi)
4. Tuhan menyenangi _____ Habel. (persembahan, haiwan peliharaan, tumbuhan)
5. Tuhan meletakkan satu _____ pada Kain untuk melindunginya. (selendang, tanda, topi)
6. Adam dan Hawa mempunyai anak lelaki ketiga yang bernama (Nuh, Musa, Set)
7. Kain ialah seorang _____. Dia menghasilkan tanaman. (pemburu, petani, guru)

Aplikasi:

Bagaimanakah tindakan saya ketika saya berfikir tiada yang melihat saya? Tuhan memerhati sepanjang masa.

Tindakan:

Saya menyenangkan Tuhan dengan _____

Warnakan gambar di bawah. Dapatkah kamu memastikan yang mana satukah Habel dan yang mana satukah Kain?



Doa: Tuhan, bantulah saya untuk meminta ampun dan kembali kepada-Mu apabila saya telah melakukan perkara-perkara yang salah. Amin.

Kejadian Jilid 1

Pelajaran 5: NUH MEMBINA BAHTERA

Tema:


Tuhan memanggil orang yang setia untuk melakukan kehendak-Nya, yang dapat membawa keselamatan dan berkat kepada orang-orang di sekeliling mereka.

Tujuan Pelajaran:

Biarpun apabila orang lain di sekeliling kita berdoa terhadap Tuhan, kita perlulah tetap dengan iman kita dan terus taat kepada Tuhan, seperti Nuh.

Petikan Alkitab:

Kejadian 6 & 7



Pelajari


Kunci Pelajaran:

Satu-satunya kelayakan Nuh adalah dia memiliki iman dan mengasihi Tuhan. Dia dipilih untuk tugas yang besar dalam membina Bahtera dan membantu untuk memelihara ciptaan Tuhan.


Ayat Hafalan:

Hanyalah Dia batu penjuru dan penyelamatanku; Dialah yang melindungiku, maka aku tidak akan digulingkan.
Mazmur 62:2


Nuh mengambil masa bertahun-tahun untuk membina bahtera itu. Seberapa lamakah yang kamu perlukan untuk membuat sebuah perahu daripada kertas?




1. Mulakan dengan sekeping kertas berbentuk segi empat tepat, bahagian yang berwarna di atas. Lipatkan kepada separuh, kemudian buka semula.




2. Lipatkan separuh, ke bawah.




3. Lipatkan bucunya ke garisan tengah.




4. Lipatkan ke atas lapisan yang paling atas dan lakukan yang sama dengan lapisan belakang. Lipatkan dengan rapi.




5. Tarik bahagian tepi ke luar dan ratakan.




6. Lipat lapisan hadapan ke atas, dan lakukan yang sama dengan lapisan belakang.



7. Tarik bahagian tepi ke luar dan ratakan.



8. Perlahan-lahan tarik bahagian atas ke luar, untuk membentuk perahu.



9. Ratakan dengan rapi untuk melipat semua lipatan. Kemudian, buka sedikit, untuk membentuk sebuah perahu. Kamu telah menyiapkan sebuah perahu!

Aplikasi:

Belajar untuk menjadi seperti Nuh yang mempercayai Tuhan biarpun ketika orang lain mentertawakannya.

Cabaran: Ketika kamu berhadapan sesuatu yang sukar, tuliskan persoalan kamu dan berdoa kepada Tuhan untuk perkara itu pada setiap hari. Percaya kepada-Nya dan Dia akan menjawabnya pada waktu-Nya.

Tindakan:

Ketika kamu berasa takut dan buntu, apakah yang akan kamu lakukan?

Doa: Ya Tuhan Yesus, tolonglah saya untuk tidak mengikut orang lain tetapi untuk mengikut-Mu seperti yang dilakukan oleh Nuh, biarpun ketika orang lain mentertawakan saya. Terima kasih. Dalam nama Yesus, Amin.

Kejadian Jilid 1

Pelajaran 6: BANJIR BESAR

Tema:

Dosa membawa kepada penghakiman daripada Tuhan. Kita perlu memohon pengampunan dan berpaling daripada dosa kita.

Tujuan Pelajaran:

Memiliki Yesus dalam kehidupan kita membawa sebuah perubahan. Apabila kita melakukan dosa, kita boleh meminta daripadanya pengampunan.

Petikan Alkitab:

Kej 7:16 - 9:17



Pelajari

Kunci Pelajaran:

Cerita Nuh ialah satu gambaran tentang bagaimana Yesus boleh menyelamatkan kita. Yesus adalah seperti Nuh dan Bahtera yang menyelamatkan mereka yang setia dan mengikutinya (1 Petrus 3:20).

Ayat Hafalan:

Hanya ada satu Allah dan hanya ada satu pengantara antara Allah dengan manusia iaitu seorang insan Kristus Yesus. Dia telah menyerahkan diri-Nya untuk menebus dosa seluruh umat manusia, dan hal ini akan dipersaksikan pada masanya.
1 Timotius 2:5-6

Fikirkan: Isikan tempat kosong dengan huruf-huruf yang betul.

1. Air m__m__ __ __j__ri bumi selama seratus lima puluh hari.
2. G__g__ __ ialah burung pertama yang dilepaskan keluar oleh Nuh daripada Bahtera itu.
3. Apabila Nuh keluar, dia membina sebuah m__zb__ __ untuk Tuhan dan membakar persembahan.
4. Tuhan meletakkan p__l__ n g__ di langit sebagai tanda janji untuk tidak memusnahkan bumi dengan banjir lagi.

Hasilkan pelangi dalam kelas kamu! Guru kamu akan memberikan kamu arahan.

Pelangi ialah janji Tuhan untuk tidak memusnahkan bumi dengan banjir lagi. Ia mengingatkan kita bahawa Tuhan itu berbelas kasihan terhadap umat manusia.

Guru juga boleh merujuk pada:

<http://opticalillusion.wordpress.com/2008/07/21/how-to-make-a-rainbow-at-home/>



Prinsip:

Tuhan mengasihi umat manusia tetapi membenci dosa. Hanya Yesus yang dapat menghapuskan dosa saya. Tuhan mengampuni dosa kita kerana kita bertaubat dan percaya kepada Yesus.

Tindakan:

Adakah saya akan mempercayai, mengimani dan mengikuti Yesus pada hari ini?

Doa: Ya Tuhan Yesus, ampuni dosa-dosa saya dan saya berjanji tidak akan kembali kepadanya lagi. Bantulah saya untuk mempercayai dan mengimani Engkau. Dalam nama Yesus. Amin.

Kejadian Jilid 1

Pelajaran 7: MENARA BABEL

Tema:

Selagi manusia memilih untuk tidak mentaati Tuhan, rancangan mereka akan mengecewakan dan mereka akan berhadapan dengan penghakiman.

Tujuan Pelajaran:

Untuk mengajar kita untuk tidak melakukan rancangan tanpa pertimbangan tentang apa yang mungkin difikirkan oleh Tuhan.

Petikan Alkitab:

Kej 11:1-9



Pelajari

Kunci Pelajaran:

Manusia tidak mentaati Tuhan dengan menolak untuk terserak dan memenuhi bumi. Sebaliknya, mereka membina sebuah menara bagi diri mereka sendiri. Menara itu adalah tanda keangkuhan dan ketidaktaatan mereka.

Ayat Hafalan:

Keangkuhan mendahului kehancuran, dan hati yang sombong mendahului kejatuhan.
Ams 16:18

Aktiviti 1: Susun menara anda dengan huruf yang sepadan dengannya dalam susunan huruf, iaitu, 1 = A, 2 = B, K = 11:

4, 15, 19, 1

13, 5, 14, 1, 18, 1

20, 9, 4, 1, 11, 20, 1, 1, 20

11, 5, 10, 1, 8, 1, 20, 1, 14

Mengapa?

Ia adalah kerana
2, 5, 12, 1, 19

Tuhan,
11, 1, 19, 9, 8, 1, 14
manusia itu dikelirukan dan tidak dapat membina menara itu. Jika tidak pastinya mereka akan dikenakan

16, 5, 14, 7, 8, 1, 11, 9, 13, 1, 14
kerana ketidaktaatan mereka.

Tuhan mahukan kita untuk meminta pertolongan daripada-Nya untuk melakukan keputusan yang bijak pada setiap hari. Warnakan bentuk hati dengan warna ungu di mana kamu merasakan ayat itu betul, dan hijau jika ia salah.



Saya berdoa sebelum saya melakukan sesuatu.



Ianya OK jika saya meniru ketika peperiksaan kerana Tuhan mahukan saya agar lulus.



Saya berdoa dan membaca Alkitab setiap hari supaya saya dapat mengetahui apa yang Tuhan katakan kepada saya.



Apabila saya marah atau sedih, saya akan memberitahu Tuhan untuk membalas dendam untuk saya.



Ketika saya dicubai, saya akan berdoa kepada Tuhan.



Ketika saya dicubai, saya akan mendapatkan apa yang saya inginkan terlebih dahulu dan kemudian berdoa kepada Tuhan.

Aplikasi:

Pernahkah kamu melakukan rancangan tanpa bertanya kepada Tuhan terlebih dahulu? Tuhan sering kali berbicara melalui ibu bapa kita dan orang dewasa yang lain yang lebih bijak. Jadikannya sebagai kebiasaan kamu untuk mendengarkan Tuhan terlebih dahulu sebelum melakukan sebuah keputusan, seperti filem apa untuk ditonton, atau rakan yang mana yang boleh diluahkan waktu bersama.

Tindakan:

Adakah kamu sanggup mendengarkan Tuhan sebelum memulakan sesuatu?

Doa: Ya Tuhan, bantulah saya untuk bertanya kepada-Mu tentang rancangan saya sebelum saya meneruskannya. Hari ini, bantulah saya dalam rancangan saya untuk _____. Dalam nama Yesus. Amin.

Kejadian Jilid 1

Pelajaran 8: ABRAM DAN PANGGILAN TUHAN

Tema:

Tuhan mungkin memanggil kita untuk melakukan perkara-perkara yang sukar. Tetapi apabila Dia melakukannya, Dia akan menunjukkan kita caranya.

Tujuan Pelajaran:

Belajar untuk mempercayai Tuhan dan bukannya melihat pada halangan yang mengganggu perjalanan kamu.

Petikan Alkitab:

Kej 12:1-20



Pelajari


Kunci Pelajaran:

Abram ialah seorang lelaki yang kaya yang tinggal dalam keadaan yang selesa. Dia menyahut panggilan Tuhan untuk meninggalkan kesenangan di rumahnya dan menuju ke Tanah yang Dijanjikan, biarpun mengetahui bahawa hidup mungkin sukar. Dengan mentaati Tuhan, Abram menjadi bapa dan pemimpin kepada orang-orang yang terpilih yang mana melalui mereka Tuhan akan memberkati dunia.

Ayat Hafalan:

Aku terus berusaha ke arah matlamat mendapatkan ganjaran, iaitu panggilan Allah ke syurga dalam Kristus Yesus.
Filipi 3:14

Aktiviti 1: Tutup mata kamu dengan rapat. Minta seorang pasangan (atau guru) kamu untuk memegang tangan kamu dan membantu kamu mewarnakan cincin di bawah. Teruskan menutup mata sehingga kamu selesai mewarnakannya.



Daripada frasa di bawah, senaraikan apa yang mudah, dan apa yang sukar.

Bersopan-santun kepada pembantu rumah kamu, taat kepada ibu bapa kamu, berbuat bising, bermain bersama adik kamu, membantu ibu dengan kerja-kerja di rumah, makan ais krim, berhenti menonton televisyen, tidur awal, bermain bersama rakan, menyiapkan kerja rumah kamu, membeli-belah, bermain permainan komputer.

Mudah dilakukan:

Sukar dilakukan:

Aktiviti 2: Daripada senarai itu, pilih satu perkara yang mudah dilakukan, dan satu perkara yang sukar dilakukan, dan lukiskannya dalam kotak di bawah.

Mudah dilakukan

Sukar dilakukan

Fikirkan tentangnya: *Kerana Abram takut, dia meminta isterinya Sarai untuk berbohong. Tetapi Tuhan memberkati mereka berdua bukan kerana mereka taat, tetapi kerana rancangan-Nya untuk Sarai adalah untuk melahirkan anak yang dijanjikan. Abram kemudiannya belajar untuk mempercayai Tuhan sepenuhnya.*

Tindakan:

Apakah panggilan Tuhan terhadap kamu? Adakah kamu masih akan melakukannya jika ia menjadi sukar?

Jawapan: _____

Doa: Ya Tuhan Yesus, bantulah saya untuk tidak berasa takut akan perkara-perkara yang saya tidak sukai tetapi bantulah saya untuk percaya kepada-Mu sepenuhnya. Dalam nama Yesus. Amin.

Kejadian Jilid 1

Pelajaran 9: ABRAM DAN LUT

Tema:

Mempercayai Tuhan termasuklah:

1. membenarkan orang lain membuat pilihan terlebih dahulu.
2. Melakukan keputusan yang berani.
3. Menolak ganjaran dari orang jahat.
4. Memuliakan Tuhan dengan kepunyaan kita.

Tujuan Pelajaran:

Mengutamakan orang lain.

Petikan Alkitab:

Kej 13:1 – 14:24



Ayat Hafalan:

Yesus terus menambah, “Ingatlah baik-baik supaya menjaga diri daripada segala ketamakan kerana kehidupan manusia tidak bergantung pada harta kekayaan yang dimiliki.”

Lukas 12:15

Pelajari

Kunci Pelajaran:

Abram ialah seorang yang lemah-lembut dan menawarkan Lut untuk memilih tempat. Lut memilih dataran yang lebih baik, tetapi akhirnya tinggal di Sodom, sebuah kota jahat yang penuh dosa.

Aktiviti 1: Warnakan gambar di bawah. Abram membenarkan Lut untuk memilih terlebih dahulu.



Anagram Abram dan Lut: Senarai Perkataan – isteri, Sodom, binatang-binatang, kota-kota, Kanaan, perak, hamba, kanan, kiri, emas

1. aaaKnn _____

2. epark _____

3. inbatnga-inbatnga _____

4. dmooS _____

5. sitrei _____

6. aknna _____

7. otka-otka _____

8. same _____

9. irik _____

10. mahba _____

Kunci Pelajaran 2:

Abram juga menolak pemberian raja Sodom. Dia tidak memerlukan pertolongan dari raja yang jahat. Tuhanlah yang menyediakan baginya. Dia tidak menerima harta-harta itu, sebaliknya Abram memberikan sepersepuluh kepada Raja Melkisedek sebagai satu cara untuk memuliakan Tuhan.

Tindakan:

Adakah saya sanggup untuk membenarkan adik-beradik saya mengambil mainan saya, buku saya dan pakaian saya jika mereka mahukannya? Atau adakah saya akan bertengkar dengan mereka untuk menyimpan apa yang saya miliki?

Saya akan _____

Doa: Ya Tuhan Yesus, bantulah saya untuk mengasihi orang lain lebih daripada saya mengasihi diri saya sendiri. Dalam nama-Mu, Amin.

Aktiviti untuk pelajaran seterusnya. Tanam beberapa biji kacang hijau. Setiap murid boleh menanam satu biji kacang dalam sebuah balang jernih yang berisi kapas basah. Tunggu dan lihat kacang hijau itu pada minggu hadapan.

Kejadian Jilid 1

Pelajaran 10: JANJI SEORANG ANAK LELAKI

Tema:

Apabila Allah membuat janji, Dia akan mengabulkannya.

Tujuan Pelajaran:

Jangan bersikap tidak sabar. Belajar untuk berpegang pada janji Tuhan.

Petikan Alkitab:

Kejadian 15 & 16.



Pelajari

Kunci Pelajaran:

Tuhan menjanjikan Abram seorang anak lelaki. Abram menantikan Tuhan untuk menggenapi janji-Nya, tetapi Sarai menjadi tidak sabar dan bertindak sendiri. Ismael bukan anak yang dijanjikan. Tuhan akan menggenapi janji-Nya pada masa-Nya sendiri.

Ayat Hafalan:

Sebabnya bagi Allah tidak ada yang mustahil. Lukas 1:37


Peringatan: *Lihat biji benih kacang hijau kamu dari pelajaran yang lepas. Adakah ia telah tumbuh? Apakah yang kamu dapat pelajari di sini? Lukiskan pokok kacang hijau anda di sini.*

Pengenalan Aktiviti:

Tolong berikan Kesabaran!

Berbaris membentuk sebuah bulatan yang besar. Salah satu daripada kamu akan diberikan satu bola. Kemudian, dengar dan ikuti arahan guru kamu.

Abraham dan Sarah telah menanti untuk masa yang lama untuk Ishak. Dapatkah kamu menolong mereka melalui laluan ini untuk mencari Ishak?



Bincangkan:

Mengapakah Sarai melakukan apa yang dilakukannya kepada Hagar? Apakah yang dapat kita pelajari?

Selesaikan perkataan yang condong. Tukarkan setiap huruf dengan dua huruf sebelumnya dalam susunan abjad. Contoh: c = a, d = b.

Tindakan:

Saya memilih untuk ogpwpiw Tuhan untuk menggenapi janji-Nya.

Perkataan: _____

Doa: Ya Tuhan, tolong ajarkan saya untuk bersabar dan tidak bertindak mengikut cara saya sendiri, supaya saya dapat berpegang pada janji-janji-Mu. Dalam Nama Yesus, Amin.

Kejadian Jilid 1

Pelajaran 11: ABRAHAM DAN PERJANJIAN TUHAN

Tema:

Tuhan membuat perjanjian dengan umat-Nya dan setia dalam memegangnya.

Tujuan Pelajaran:

Mentaati Tuhan mungkin sukar dan menyakitkan, tetapi Dia menginginkan kita untuk mempercayai-Nya.

Petikan Alkitab:

Kejadian 17



Pelajari

Kunci Pelajaran:

Janji asal Tuhan disahkan dalam sebuah perjanjian yang rasmi. Sebagai tanda bagi perjanjian ini, Abram perlu menyunatkan semua lelaki. Tuhan juga memberikan dia dan isterinya nama yang baru – Abraham dan Sarah.

Ayat Hafalan:

Oleh sebab itu ketahuilah bahawa Tuhan, Allahmu, Dia Allah, Allah yang setia, yang berpegang teguh pada perjanjian, dan menunjukkan rahmat-Nya terhadap orang yang mengasihi-Nya serta yang berpegang teguh pada perintah-perintah-Nya, sampai beribu-ribu keturunan. Ulangan 7:9

Aktiviti Permainan:

Namakan Pantomim

1. Bentukkan satu bulatan.
2. Fikirkan satu gerakan. Sebagai contohnya bertepuk tangan, menghentak kaki, menggoyangkan pinggang, dan banyak lagi.
3. Guru kamu akan memilih orang yang pertama untuk melakukan gerakan itu. Kemudian orang yang kedua akan mengikutnya. Kemudian orang yang ketiga akan mengikutnya. Begitulah sehingga seterusnya.
4. Orang yang pertama tadi akan membuat gerakan lain pula, dan diikuti oleh orang kedua, ketiga, dan seterusnya.
5. Tumpukan perhatian kamu kepada orang di sebelah kamu supaya kamu tidak keliru dengan gerakan yang lain!

Fikirkan tentangnya: Abraham bertindak dalam ketaatan. Menyunat lelaki yang dewasa di rumahnya adalah berbahaya kerana untuk beberapa hari mereka tidak akan mampu mempertahankan diri mereka.

Aplikasi: Pernahkah kamu terpaksa memberanikan diri untuk mentaati Tuhan? Adakah kamu akan mentaati Tuhan apabila situasi menjadi sukar?

Perkara yang sukar dalam hidup saya adalah _____

Tindakan:

Perkataan yang condong ini ialah sebuah anagram. Ketahui apakah ia.

Saya akan *emilmih* untuk mentaati Tuhan biarpun ianya sukar.

Perkataan: _____

Doa: Ya Tuhan, bantulah saya ketika saya digoda untuk tidak taat. Bantulah saya untuk sentiasa mentaati dan menyenangkan-Mu. Dalam Nama Yesus, Amin.

Kejadian Jilid 1

Pelajaran 12: ABRAHAM MERAYU BAGI PIHAK SODOM

Tema:

Tuhan melihat terlebih dahulu betapa berdosa Sodom sebelum Dia menghukum mereka. Tuhan memberitahu Abraham akan hal ini supaya Abraham dapat mengajarkan anak-anaknya tentang jalan Tuhan.

Tujuan Pelajaran:

Tuhan mendengar doa-doa dan menyelamatkan mereka yang mengikuti jalan-Nya.

Petikan Alkitab:

Kejadian 18



Ayat Hafalan:

Aku telah memilih dia agar dia memerintahkan anak-anak serta kaum keluarganya untuk memelihara jalan TUHAN dengan melakukan yang benar dan adil. Dengan demikian, TUHAN memenuhi apa yang telah dijanjikan-Nya kepada Abraham. Kejadian 18:19

Pelajari

Kunci Pelajaran:

Tuhan menghargai kehidupan manusia. Tuhan berbicara kepada Abraham seperti seorang rakan, ketika memberitahunya tentang rancangan untuk memusnahkan Sodom dan membenarkan Abraham untuk berunding untuk menyelamatkan Lut.

Pembacaan Dramatik:

Baca secara lantang Kej 18:16-33. Minta seorang untuk menjadi pencerita, seorang menjadi Tuhan, dan seorang lagi menjadi Abraham.

Bincangkan:

Mengapakah Tuhan memberitahu Abraham apa yang dirancangan-Nya untuk dilakukan ke atas Sodom?

Mengapakah Tuhan membenarkan Abraham merayu kepada-Nya untuk Sodom?


Apakah yang dapat kita pelajari di sini?

Menegak:

1. Tuhan tidak dapat menemukan sepuluh orang _____ di Sodom dan Gomora.
2. Abraham tinggal di dalam sebuah _____.
3. Sarah menyediakan _____ untuk pelawat-pelawat itu.

Melintang:

4. Abraham berkata kepada Tuhan, "Tentu Engkau tidak mahu membunuh orang yang tidak bersalah bersama dengan orang yang _____."
5. Adakah terdapat yang terlalu _____ bagi TUHAN?
6. Abraham _____ kepada Tuhan bagi Sodom.



Fikirkan:

Apakah yang kita dapat pelajari tentang cara TUHAN menangani dosa dalam cerita ini? Dan apakah yang berlaku kepada mereka yang mempercayai dan mengenal Dia?

Aplikasi:

Tuhan akan menghukum dosa, tetapi Dia akan mengampuni mereka yang percaya dalam Anak-Nya Yesus dengan iman.

Tindakan:

Adakah kamu mahu mengenal Tuhan? Adakah kamu ingin berdoa pada hari ini untuk membenarkan Yesus menjadi tuan dalam kehidupan kamu?

Minta guru kamu berdoa bersama kamu.

Kejadian Jilid 1

Pelajaran 13: APA YANG BERLAKU DI SODOM DAN GOMORA

Tema:

Tuhan menyelamatkan orang yang benar dan menghukum yang bersalah.

Tujuan Pelajaran:

Tuhan menyelamatkan orang yang mentaati-Nya. Apabila kita memilih untuk taat kepada-Nya, kita tidak seharusnya menoleh ke belakang.

Petikan Alkitab:

Kej 19:1-29



Pelajari

Kunci Pelajaran:


Tuhan menantikan Lot untuk meninggalkan Sodom sebelum Dia memusnahkan kota itu. Ini menunjukkan bahwa Tuhan itu adil – Dia menyelamatkan yang benar dan menghukum yang bersalah.





Ayat Hafalan:

Penyelamatan orang yang benar adalah daripada TUHAN; Dia ialah kekuatan mereka pada waktu kesusahan.
Mazmur 37:39

Aktiviti 1:

Letakkan X pada kotak yang BUKAN kelakuan yang baik.





Aktiviti Permainan:

Lihat ke belakang dan berhenti! Guru kamu akan memberikan kamu arahan. Bahagikan kelas kepada beberapa kumpulan yang mempunyai 3 atau 4 ahli. Minta kumpulan-kumpulan itu bergilir-gilir bermain. Elakkan daripada tertangkap!

Peringatan!

Nasib isteri Lut menggambarkan betapa bodohnya untuk mengabaikan amaran Tuhan atau tidak mentaati firman Tuhan.

Aplikasi:

Mengapakah isteri Lut menoleh ke belakang? Bilakah kita seperti isteri Lut? Bagaimanakah kita dapat memohon pengampunan daripada Tuhan?

Tindakan:

Saya memilih untuk tidak menoleh ke belakang dan mengikuti cara lama saya yang berdosa. Saya memilih untuk mempercayai Yesus dan taat kepada-Nya.

Doa:

Ya Tuhan Yesus, tolonglah saya untuk terus memandang ke hadapan dalam kepercayaan dan ketaatan kepada-Mu. Amin.

Kejadian Jilid 1

Pelajaran 14: UJIAN BAGI ABRAHAM

Tema:

Tuhan menyediakan korban yang diperlukan untuk membawa manusia kepada diri-Nya.

Tujuan Pelajaran:

Mempelajari tentang menyerahkan perkara yang kamu gemari untuk Tuhan.

Petikan Alkitab:

Kej 21:1 - 20, 22:1 - 19



Ayat Hafalan:

TUHAN cahayaku dan penyelamatanku - siapa perlu kutakuti? TUHAN kekuatan hidupku - siapa harus aku gentar? Mazmur 27:1

Kuiz aneka pilihan:

1. Anak Abraham ialah
A. Ishak B. Daud
C. Musa D. Harun
2. Menyerahkan sesuatu yang kita ingini untuk menggembarakan orang lain
A. Membuang B. Berkorban
C. Kesabaran D. Malas
3. Meja untuk mempersembahkan korban kepada Tuhan
A. Mazbah B. Bangku
C. Batu D. Batu
4. Sesuatu untuk menilai sejauh mana kamu mengenal sesuatu perkara atau seseorang
A. Sebuah perjalanan menaiki sesuatu
B. Sebuah perjalanan yang jauh
C. Sebuah ujian
D. Sebuah keramaian
5. Alatan yang digunakan untuk memotong
A. penukul B. pisau
C. pemutar skru D. paku
6. Kita dapat meninggikan Tuhan dalam kehidupan kita dengan berdoa, menyanyi dan
A. berpuasa B. gereja
C. ketawa D. menyembah
7. Tuhan mengutus _____ untuk menghentikan Abraham daripada membunuh anaknya Ishak.
A. lelaki B. wanita
C. penggera D. malaikat
8. Tuhan _____ seekor domba jantan sebagai korban.
A. memerlukan B. menyediakan
C. memberikan pembayang
D. mengikuti

Sambungkan titik-titik dan warnakan gambar ini:



Jawab Abraham, “Allah sendirilah yang akan menyediakan bagi diri-Nya anak domba untuk korban bakaran itu, anakku.” Lalu berjalanlah kedua-duanya bersama-sama. – Kejadian 22:8 (AVB)

Aplikasi:

Yesus adalah korban yang disediakan oleh Tuhan. Jika kita percaya kepada-Nya, semua dosa kita akan dihapuskan.

Tindakan:

Jika kita mati dalam dosa kita, kita akan terpisah daripada Tuhan untuk selama-lamanya. Adakah kamu akan memilih untuk mempercayai Yesus pada hari ini?

Doa:

Ya Yesus, terima kasih kerana menjadi korban untuk menghapuskan dosa-dosa saya. Saya memilih untuk percaya kepada-Mu. Bantulah saya hari ini untuk taat dan menjadikan-Mu tuan dalam kehidupan saya. Terima kasih. Dalam nama-Mu, Amin.

Kejadian Jilid 2

Pelajaran 15: ISHAK DAN RIBKA

Tema:

Tuhan itu setia dan boleh dipercayai.

Tujuan Pelajaran:

Belajar untuk mempercayainya dan menjadi seseorang yang juga boleh dipercayai.

Petikan Alkitab:

Kejadian 23:1 – 25:28.



Pelajari

Kunci Pelajaran:

1. Abraham dan juga hambanya mempercayai Tuhan untuk mencari isteri yang tepat untuk Ishak.
2. Ribka juga menunjukkan iman dan kepercayaannya dengan sanggup meninggalkan rumahnya dan orang-orang yang dikasihinya untuk berkahwin dengan seorang orang asing dari negeri yang jauh.

Ayat Hafalan:

TUHAN meredai mereka yang takut kepada-Nya, mereka yang mengharapkan kasih setia-Nya. - Mazmur 147:11

Permainan: Membina kepercayaan

Cari seorang pasangan. Yang seorang berdiri di belakang yang seorang lagi dengan menghadap arah yang sama. Orang yang di hadapan menyilangkan tangan di atas dadanya, dan perlahan-lahan menjatuhkan diri ke belakang. Yang seorang lagi perlu menyambut orang yang jatuh itu daripada belakang. Tukar peranan dan ulang permainan ini.

Adakah kamu berjaya bermain permainan ini tanpa jatuh ke belakang? Adakah pasangan kamu menyambut kamu?

YA. Kamu boleh mempercayai pasangan kamu!


TIDAK. Jelaskan mengapa

Mencari perkataan: Cari perkataan ini di bawah. Ia boleh dibaca dari hadapan, belakang, ke atas, ke bawah atau melintang.


1. Setia
2. Hamba
3. Ishak
4. Mempercayai
5. Unta
6. Minuman
7. Ribka
8. Layak
9. Orang asing
10. Bersendiri

B	E	R	T	U	I	K	O	L	P	M	S
E	U	H	G	R	F	E	O	E	R	E	R
R	H	S	A	K	B	I	R	R	C	M	C
S	B	M	I	N	U	M	A	N	R	P	V
E	O	U	S	E	R	E	N	A	T	E	W
N	P	X	H	S	H	T	G	D	Y	R	B
D	S	A	A	L	A	Y	A	K	U	C	G
I	E	R	K	I	M	G	S	T	H	A	Y
R	T	E	T	O	B	T	I	R	B	Y	X
I	R	E	T	U	A	U	N	T	A	A	A
A	S	S	U	I	T	E	G	C	R	I	E

Sambungkan titik-titik dan warnakan gambar di bawah:



Apakah yang kita dapat pelajari daripada Abraham dalam cerita ini?
Jawapan saya:



Apakah yang kita dapat pelajari daripada hamba yang setia dalam cerita ini? Jawapan saya:

Aplikasi dan Tindakan: Kita boleh mula untuk mempercayai seseorang hanya apabila kita mengenali mereka. Fikirkan tentang rakan baik kamu. Mengapa kamu mempercayai mereka? Apakah yang mereka telah lakukan untuk kamu? Bulatkan perkara yang kamu sukai tentang rakan baik kamu.

Baik Peramah Suka mengejek Memarahi orang lain

Mengambil berat

Suka menolong Memahami

Pendengar yang baik

Berkongsi barang mereka

Selalu bercakap tentang diri mereka sendiri

Fikirkan: Adakah kamu jenis rakan yang sama? Ya/Tidak.
Sekarang, bagaimana pula tentang Yesus? Bagaimanakah kamu mengenal-Nya? Bolehkah kamu mempercayai-Nya?
Tuhan memberikan Anak-Nya Yesus supaya kita dapat mengenali dan mempercayai-Nya.

Berdoa: Ya Tuhan, terima kasih kerana mengutus Yesus. Saya ingin mengenal Yesus dengan lebih lagi supaya saya dapat mempercayai-Nya. Dalam nama Yesus, Amin.

Kejadian Jilid 2

Pelajaran 16: YAKUB DAN ESAU - CERITA HAK ANAK SULUNG

Tema:

Menjadi bertanggungjawab.

Tujuan Pelajaran:

Memuliakan Tuhan dengan tanggungjawab dan bakat yang telah diberikan-Nya kepada kita.

Petikan Alkitab:

Kejadian 25:19 - 34; 27: 1 - 41



Pelajari

Kunci Pelajaran:

Esau tidak menghormati hak anak sulungnya, yang membawa berkat dan tanggungjawab daripada janji perjanjian dan kepimpinan terhadap umat Tuhan. Tuhan membangkitkan ketua yang lain untuk mengambil tempatnya. Hak anak sulung diberikan kepada Yakub dan ini menyebabkan ketidakharmonian dalam keluarga itu.

Ayat Hafalan:

Berbuat jahat bagaikan permainan orang bodoh, tetapi hikmah ialah kegembiraan bagi orang yang berpengertian. - Amsal 10:23

Permainan: Menukar Ketua

Berdiri dalam sebuah bulatan. Satu orang meninggalkan bilik itu dan yang lain memilih seorang ketua. Ketua itu memulakan satu perbuatan (bertepuk tangan, menghentak kaki, dll.). orang yang di luar masuk dan harus mencuba meneka siapakah ketua itu. Ketua itu boleh mengubah perbuatan pada bila-bila masa yang dikehendakinya. Setiap orang dalam kumpulan itu harus memerhati dan mengikut ketua itu tanpa mendedahkan siapakah ketuanya. Orang yang di luar perlu menumpukan perhatian untuk mengetahui siapakah ketua. Apabila dia meneka dengan betul, dia boleh menyertai bulatan itu sementara ketua yang pertama keluar daripada bilik itu dan menjadi yang meneka siapakah ketua yang baru.

Menyusun setiap perkataan dan menulisnya di atas garisan:

1. hka akna sluong (pembayang: berkat yang diberikan kepada anak yang pertama)

2. uib (pembayang: yang melahirkan anak) _____

3. despa (pembayang: lazat) _____

Aneka Jawapan:

- Siapakah bapa kepada Esau dan Yakub?
A. Abraham B. Adam C. Ishak D. Yusuf
- Siapakah yang tidak menghargai hak anak sulungnya?
A. Adam B. Abraham C. Yakub D. Esau
- Ribka memberitahu anaknya _____ untuk mencari dua ekor anak kambing supaya dia boleh memasak sebuah lauk untuk Ishak.
A. Yusuf B. Esau C. Yakub D. Abraham
- Siapakah yang berbohong kepada bapanya?
A. Esau B. Nuh C. Ishak D. Yakub
- Siapakah yang menangis dengan kuat ketika dia mengetahui hak anak sulungnya telah diberikan kepada orang lain?
A. Yakub B. Abraham C. Esau D. Adam

Aplikasi: Seharusnya apakah sikap kita ketika sebuah tanggungjawab atau bakat diberikan kepada kamu oleh Tuhan? Susun huruf-huruf ini.

Kita seharusnya mengambilnya (dngnan siruse) _____ dan melakukan yang terbaik untuk (mnnaiuneka) _____ nya.

Berdoa: Ya Tuhan, bantulah saya untuk menjadi setia bagi perkara-perkara yang Engkau telah panggil untuk saya lakukan. Dalam nama Yesus, Amin.

Kejadian Jilid 2

Pelajaran 17: PERJALANAN YAKUB

Tema:

Tuhan membentuk kita untuk digunakan-Nya.

Tujuan Pelajaran:

Untuk mengenal pasti pelbagai cara Tuhan membentuk keperibadian kita.

Petikan Alkitab:

Kejadian 27:42-29:12

Ayat Hafalan:

Yesus berkata kepadanya, "Sesungguhnya, Aku berkata kepadamu, kamu akan melihat langit terbuka dan malaikat-malaikat Allah turun naik menemui Anak Manusia." - Yohanes 1:51



Pelajari

Kunci Pelajaran:

Tuhan muncul kepada Yakub untuk yang pertama kali dan mengesahkan janji yang dibuat kepada datuknya. Yakub berdoa dengan sebuah doa yang bersyarat. Tuhan memulakan proses untuk menyediakan Yakub untuk menjadi pemimpin bagi umat Tuhan.

Permainan: Membentuk binatang

Ini ialah sebuah permainan yang menarik yang menggunakan doh mainan! Masuk dalam kumpulan yang mempunyai 4 ke 5 orang ahli dan fikirkan tentang satu binatang yang kumpulan kamu ingin bentukkan. Kemudian tugaskan setiap orang dalam kumpulan itu untuk membuat satu anggota badan (iaiti kaki, badan, telinga, mata). Gabungkan semua anggota itu bersama dan lihat bagaimana bentuk keseluruhan binatang itu!

Tahukah kamu:

Biarpun Tuhan telah menjadikan tubuh kamu sempurna dan lengkap, Dia masih ingin membentuk keperibadian kamu. Dia ingin menyediakan kamu untuk tugas yang Dia miliki untuk kamu pada masa hadapan. Adakah kamu sanggup untuk membenarkan Tuhan membentuk kamu? Jika kita menjadikan diri kita seperti doh mainan itu, Tuhan akan membentuk kita untuk menjadi orang yang Dia ingini untuk kita jadi.

Fikirkan: *Bagaimana saya boleh membenarkan Tuhan membentuk saya? Saya boleh bermula dengan:*

1. Berdoa
2. Membaca dan mentaati Alkitab
3. Mentaati ibu bapa dan guru-guru saya

Pendapat:

Yesus sanggup untuk dibentuk oleh Tuhan. Dia mentaati ibu bapanya (Lukas 2:41-52) dan dia mentaati Tuhan dengan mati di kayu salib bagi dosa-dosa kita.

Aplikasi:

Bagaimanakah saya telah mentaati Tuhan pada minggu lalu?

Jika tidak, adakah saya sanggup untuk bermula?

Berdoa: Tuhan, terima kasih untuk Yesus yang telah taat kepada-Mu. Tolonglah saya untuk mentaati-Mu dengan membenarkan Engkau membentuk saya menjadi peribadi yang Engkau ingini. Amin.

Kejadian Jilid 2

Pelajaran 18: YAKUB DAN ANAK-ANAK PEREMPUAN LABAN

Tema:

Jangan menipu orang lain untuk apa yang seharusnya milik mereka.

Tujuan Pelajaran:

Mempelajari untuk berbincang dengan jujur bersama orang lain.

Petikan Alkitab:

Kejadian 29:13 – 30:43



Pelajari

Kunci Pelajaran:

Yakub yang menipu bapanya Ishak sebelum ini kini ditipu oleh pak ciknya Laban untuk bekerja selama bertahun-tahun.

Ayat Hafalan:

Dia menggagalkan rancangan orang cerdik, sehingga upaya tangan mereka tidak berhasil. - Ayub 5:12

Pelajari perkataan

baru!: *Apakah perkataan lain bagi 'menipu'? Susun semula perkataan ini untuk mengetahuinya.*

Aktiviti mewarna: *Warnakan gambar di bawah.*

mmerpeayad




Melintang:

- Isteri Yakub yang kedua
- Yakub bekerja selama _____ tahun untuk Lea, dan tujuh tahun lagi untuk Rahel.
- Selepas 14 tahun, Laban cuba untuk menawarkan _____ kepada Yakub supaya Yakub tetap tinggal di situ.

Menegak:

- Yakub ingin _____ dengan Rahel
- Untuk membuatkan seseorang mempercayai sesuatu yang tidak benar.
- Isteri pertama Yakub
- Zilpa ialah _____ Lea
- _____ berkahwin dengan dua orang anak perempuan Laban

Teka silang kata:**Aplikasi:**

Lihat pada cerita ini (Kej 30:25-43) untuk melihat bagaimana Laban menipu Yakub sekali lagi untuk ternakannya, dan apa yang Yakub lakukan.

Fikirkan:

Apakah keburukan menipu?

Adakah ini menyenangkan bagi Tuhan?

Berdoa:

Tuhan, bantulah saya untuk berlaku jujur kepada orang lain, kerana Engkau ialah Tuhan yang kudus. Amin.

Kejadian Jilid 2

Pelajaran 19: YAKUB KEMBALI KE KANAAN

Tema:

Menangani pergumulan.

Tujuan Pelajaran:

Untuk mempelajari bahawa pergumulan adalah sebahagian daripada cara Tuhan membina kita.

Petikan Alkitab:

Kejadian 31: 1 – 33: 19, Kej 35



Pelajari

Kunci Pelajaran:

Laban berasa marah terhadap Yakub kerana kembali ke Kanaan. Yakub juga takut tentang bertemu abangnya Esau, yang daripadanya dia telah mencuri hak anak sulung. Selama bertahun-tahun ini Tuhan telah mempersiapkan Yakub untuk menjadi pemimpin orang Israel. Ini ditunjukkan dalam pergelutan Yakub dengan Tuhan, yang memberikannya nama yang baru, 'Israel'. Apabila Tuhan bertemuinya lagi di Betel, Yakub menyembah Tuhan tanpa syarat.

Ayat Hafalan:

TUHAN akan memberikan kekuatan kepada umat-Nya; TUHAN akan memberkati umat-Nya dengan kesejahteraan. - Mazmur 29:11

Bulatkan jawapan yang betul.


1. Yakub _____ dengan seorang malaikat Tuhan. (bermain, bergelut, bekerja)
2. Yakub _____ (marah akan, takut akan) abangnya Esau.
3. Yakub dan Esau saling _____ antara satu sama lain. (memarahi, bertengkar, memaafkan)
4. Tuhan telah mengubah nama Yakub kepada _____ dan memperbaharui perjanjian-Nya dengan Yakub. (Abraham, Yusuf, Israel)
5. Rachel melahirkan _____ dan meninggal tidak lama selepas itu (Yusuf, Israel, Benyamin)
6. Tuhan telah _____ dan memerhatikan Yakub. (menjauh, melawat, melindungi)
7. Yakub akhirnya belajar untuk _____ sepenuhnya kepada Tuhan. (melepaskan diri, menjaga, bergantung)

Tindakan:

Biarpun dengan segala kesukaran yang dihadapi oleh Yakub ketika meninggalkan Laban, dan ketakutannya untuk berhadapan dengan Esau, Tuhan tetap melindunginya. Bagaimanakah seharusnya kelakuan saya apabila saya mengetahui bahawa Tuhan telah melindungi dan memerhatikan saya?

Apakah yang dapat saya lakukan untuk menunjukkan kesyukuran saya?

Warnakan gambar di bawah di mana Yakub bergelut dengan Tuhan.



Seperti Yakub, ada masanya di mana kita bergelut dengan Tuhan. Sebagai contoh, adakalanya kita bergumul untuk menjadi taat. Tetapi ia adalah sebahagian daripada cara Tuhan menyediakan kita untuk melakukan perkara-perkara yang penting untuk-Nya. Pada akhirnya, Tuhan terpaksa mencederakan pangkal paha Yakub untuk menghentikannya.

Aplikasi:

Adakah kamu sanggup untuk berserah kepada Tuhan dengan sukarela? Tuliskan perkara dalam hidup kamu yang kamu ingin serahkan kepada Tuhan:

Berdoa: Ya Tuhan, saya menyedari bahawa beberapa perkara sukar yang saya hadapi adalah sebahagian daripada cara-Mu menyediakan saya untuk perkara-perkara yang lebih besar. Bantulah saya untuk berserah kepada-Mu. Dalam nama Yesus, Amin.

Kejadian Jilid 2

Pelajaran 20: YUSUF DAN ABANG-ABANGNYA

Tema:


Tuhan menggunakan situasi-situasi yang buruk untuk kebaikan.

Tujuan Pelajaran:

Untuk mempercayai Tuhan dengan segenap hidup kita.

Petikan Alkitab:

Kejadian 37



Pelajari

Kunci Pelajaran:

Abang-abang Yusuf cemburu akan dia dan menjualnya sebagai seorang hamba, tetapi Tuhan mempunyai rancangan lain dan menggunakan situasi ini untuk pada akhirnya menggenapi tujuan-Nya.

Ayat Hafalan:

Dia tidak mengalihkan pandangan-Nya daripada orang benar, tetapi Dia menempatkan mereka dengan raja-raja di atas takhta untuk selama-lamanya sehingga mereka ditinggikan.

- Ayub 36:7

Masa untuk seni dan kraf!

Mari mereka jubah Yusuf!
Lihat sebanyak mana warna yang kamu boleh gunakan!

Guru kamu akan memberikan sekeping kertas kosong kepada kamu. Lukiskan jubah Yusuf mengikut bayangan kamu dan warnakannya.



Kriptogram:

Padankan huruf-huruf di bawah dengan nombor yang berpadanan dengannya dalam urutan menaik. Huruf A dan H telah disediakan untuk kamu.

A	B	C	D	E	F	G	H	I	J	K	L	M	N	O	P	Q	R	S	T	U	V	W	X	Y	Z
1							8																		

Ketika Yusuf memberitahu bapa dan abang-abangnya tentang mimpinya, bapanya Israel menegurnya, dengan berkata ...

13.9.13.16.9	1.16.1	9.20.21?
-----	-----	-----?

Fikirkan:

Adakah kamu akan berasa sakit hati terhadap Yusuf jika kamu ialah salah seorang daripada abang-abangnya? Apakah yang mungkin kamu lakukan terhadap Yusuf?

Fikirkan:

Yusuf pasti berasa takut ketika dia dijual sebagai seorang hamba. Dia bersendirian dan tidak tahu ke mana dia sedang pergi atau apa yang menanti di hadapan.

Apakah yang mungkin kamu rasakan? Apakah yang kamu fikirkan tentangnya jika kamu berada di tempat Yusuf?

Aplikasi:

Adakalanya, kita diberikan layanan yang tidak adil. Tetapi jika kita mempercayai Tuhan, Dia akan menggunakan situasi itu untuk menunjukkan berkat-berkat-Nya kepada orang lain dan diri kita sendiri.

Berdoa: Ya Tuhan, terima kasih buat rancangan yang Engkau miliki untuk kehidupan saya. Biar pun saya tidak mengetahui apa yang menanti di hadapan, saya tahu saya dapat mempercayai-Mu. Amin.

Kejadian Jilid 2

Pelajaran 21: YUSUF DAN POTIFAR

Tema:


Mengelakkan godaan.

Tujuan Pelajaran:

Untuk mempelajari bahawa Tuhan memberikan kita kekuatan untuk menjadi taat dan mengelakkan godaan.

Petikan Alkitab:

Kejadian 39: 1-20



Pelajari

Kunci Pelajaran:

Biarpun menjadi seorang hamba, Yusuf tetap dengan iman kepada Tuhan nenek moyangnya. Tuhan memberkati Yusuf dalam semua yang dilakukannya dan tuannya menyedarinya.


Ayat Hafalan:

Kerana TUHAN menaungi jalan orang benar, tetapi jalan orang zalim akan binasa. - Mazmur 1:6

Permainan: Bertahan dalam Godaan

Ini ialah sebuah permainan yang seronok dan interaktif. Cuba untuk mengelak daripada “bola godaan” ketika kamu berjalan di dalam bilik ini! Berikan tumpuan kepada guru kamu ketika permainan ini dijelaskan kepada kamu.

Aktiviti: Gunakan kunci ini untuk mentafsirkan petikan pada muka surat sebelah.



2	8	13	5	77	90	56	35	1	33	84	27	41
A	B	C	D	E	F	G	H	I	J	K	L	M
53	82	39	25	19	44	31	76	10	47	16	28	69
N	O	P	Q	R	S	T	U	V	W	X	Y	Z

Kejadian Jilid 2

Pelajaran 22: ORANG TAHANAN DAN ERTI MIMPI

Tema:


Jangan berputus asa.

Tujuan Pelajaran:

Untuk terus bekerja keras biarpun dalam situasi yang buruk.

Petikan Alkitab:

Kejadian 39:21-40:23



Pelajari

Kunci Pelajaran:

Yusuf bekerja keras dan mengagumkan orang-orang di sekelilingnya, dan bukan bersedih kerana mengapa dia telah dipenjarakan tanpa apa-apa kesalahan. Bahkan pengawal penjara juga mempercayainya.

Ayat Hafalan:

Kamu layak dipuji jika kerana Allah kamu tabah menanggung derita akibat perlakuan yang tidak adil. - 1 Petrus 2:19

Aktiviti: Tuhan mahukan kita untuk mempercayai-Nya biarpun dalam situasi yang sukar. Warnakan bentuk di bawah dengan kuning bagi perkara-perkara yang menunjukkan kepercayaan kepada Tuhan, dan hitam untuk perkara-perkara yang bukan menunjukkan kepercayaan kepada Tuhan.

- Jika seseorang itu menyakiti saya, saya akan menyakitinya 10 kali ganda sebagai balasannya.
- Ianya OK untuk meniru dalam peperiksaan saya kerana Tuhan mahukan saya lulus.
- Saya berdoa dan membaca Alkitab pada setiap hari supaya saya boleh mengetahui apa yang sedang dikatakan oleh Tuhan kepada saya.
- Saya tidak boleh berbuat baik kepada jiran saya kerana dia jahat terhadap saya.
- Saya tidak kaya, tetapi saya memberikan sedikit daripada wang saku saya kepada orang miskin supaya mereka mempunyai sesuatu untuk dimakan.
- Jika seseorang tidak berbuat baik kepada saya, saya akan berbuat baik kepadanya.
- Selepas saya berdoa kepada Tuhan, saya masih berasa risau kerana saya tidak yakin jika Tuhan akan menjawab doa saya.

Aktiviti: Letakkan nombor dalam bulatan untuk menyusun kotak-kotak ini berdasarkan kisah Yusuf di penjara.

#__

Pengurus minuman lupa tentang Yusuf

#__

Sementara Yusuf berada dalam penjara, Tuhan ada bersama dengannya dan terus memberkatinya dan memberikan pertolongan kepadanya

#__

Yusuf mentafsir mimpi pengurus minuman dan pengurus roti.

#__

Pengurus minuman dan pengurus roti dimasukkan ke dalam penjara yang sama dengan Yusuf.

#__

Pengurus minuman dan pengurus roti melakukan sesuatu yang tidak disenangi oleh tuan mereka

#__

Yusuf dipertanggungjawabkan ke atas seluruh penjara dan semua yang berada dalamnya.

#__

Firaun mengembalikan semula kedudukan dahulu pengurus minuman itu, dan menggantungkan pengurus roti itu.

Aplikasi:

Jika kamu ialah Yusuf yang telah diperlakukan dengan cara yang salah oleh orang lain, apakah yang kamu lakukan? Cari seorang pasangan dalam kelas dan beritahukannya jawapan kamu. Kemudian dengar jawapan rakan kamu pula.

Fikirkan:

Ketika Yesus dituduh melakukan sesuatu yang tidak dilakukan-Nya, adakah Dia melawan kembali?

Tindakan:

Apakah yang saya boleh lakukan untuk menunjukkan bahawa saya terus mempercayai Tuhan dalam keadaan-keadaan yang sukar?

Berdoa:

Tuhan Yesus, bantulah saya untuk memberikan yang terbaik dalam apa yang saya lakukan, pada setiap masa. Ketika saya dituduh untuk hal yang tidak benar, bantulah saya untuk mengingati bagaimana Engkau diam-diam bertahan dalam penderitaan dan terus taat. Dalam nama-Mu, Amin.

Kejadian Jilid 2

Pelajaran 23: SI TUKANG MIMPI DAN RAJA

Tema:

Kebijaksanaan adalah daripada Tuhan.

Tujuan Pelajaran:

Untuk hidup dengan benar.

Petikan Alkitab:

Kejadian 41:1-46



Pelajari

Kunci Pelajaran:

Biarpun Yusuf telah menolong pengurus minuman itu, Yusuf telah dilupakan dan ditinggalkan dalam penjara. Dia masih perlu bersabar. Dia kemudiannya mentafsir mimpi Firaun dengan tepat. Akhirnya, selepas 13 tahun perhambaan dan dipenjarakan, Yusuf akhirnya dijadikan menteri Firaun yang tertinggi.

Ayat Hafalan:

Takut akan TUHAN permulaan kebijaksanaan; pengertian yang sempurna ada pada semua yang mentaati perintah-perintah-Nya. - Mazmur 111:10

Aktiviti: Warnakan gambar Yusuf di bawah



Uji pengetahuan kamu: Benar atau Salah?

Tuliskan B untuk betul dan S untuk salah pada tempat kosong yang terletak selepas ayat-ayat berikut:

1. Semua ahli sihir dan orang pandai istana tidak dapat mentafsir mimpi Firaun. ____
2. Ketua roti teringat akan Yusuf dan memberitahu Firaun. ____

3. Yusuf dapat mentafsir mimpi-mimpi tanpa bantuan Tuhan. ____
4. Firaun berkata kepada Yusuf, “Tuhan telah menunjukkan semua ini kepada kamu.” ____
5. Firaun menjadikan Yusuf raja di atas Mesir. ____
6. Tuhan mempersiapkan Yusuf melalui pengalaman unik supaya Yusuf akan bersedia bagi tugas yang Tuhan miliki untuk dia. ____
7. Firaun memberikan Yusuf sebuah nama yang baru dan seorang isteri. ____
8. Yusuf perlu menanti dengan sabar untuk mimpinya sendiri digenapi. ____

Kuiz Pantas:

- a) Apakah maksud “mentafsir”? _____
- b) Apakah yang diwakili oleh tujuh ekor lembu yang sihat dan tujuh bulir gandum yang berisi? _____
- c) Apakah yang diwakili oleh tujuh ekor lembu yang kurus dan tujuh bulir gandum yang kempis? _____
- d) Apakah itu “masa kelaparan”? _____
- e) Bagaimanakah Yusuf tahu apakah yang dimaksudkan oleh mimpi-mimpi itu? _____

INGAT: Hiduplah dengan benar. Orang lain mungkin melupakan kamu, tetapi Tuhan tidak akan melupakan kamu dan perkara baik yang telah kamu lakukan. Apabila tiba masanya, Tuhan akan menyelamatkan orang yang percaya kepada-Nya.

FIKIRKAN! Bahkan Firaun juga percaya bahawa Tuhan beserta Yusuf (Kej 41:38). Apabila kita hidup dengan benar dan memiliki kebijaksanaan Tuhan, orang lain akan melihatnya juga dan menyedari bahawa kita adalah berbeza.

Ayat hafalan tambahan!

Orang yang menabur perbenaran mendapat pahala yang pasti.
(Amsal 11:18)

Berdoa: Tuhan Allah, berikanlah saya kebijaksanaan-Mu dan bantulah saya untuk hidup dengan benar supaya orang lain dapat melihat betapa hebatnya Engkau. Dalam nama Yesus, Amin.

Kejadian Jilid 2

Pelajaran 24: ORANG TAHANAN MENJADI PERDANA MENTERI

Tema:

Memberkati orang lain

Tujuan Pelajaran:

Ketaatan kita kepada Tuhan dan kerja keras boleh membawa berkat kepada orang lain.

Petikan Alkitab:

Kejadian 41:47-42:26



Pelajari

Kunci Pelajaran:

1. Yusuf bekerja keras untuk mempersiapkan Mesir menghadapi masa kelaparan. Mesir diberkati dengan makanan yang mencukupi kerana Yusuf dan ini disedari oleh Firaun.
2. Abang-abang Yusuf datang untuk membeli makanan. Yusuf kini perlu berhadapan dengan rasa sakit hatinya dan kemarahannya kepada abang-abangnya untuk apa yang mereka telah lakukan kepadanya.

Ayat Hafalan:

Segala penat lelah mendatangkan keuntungan, tetapi kata-kata kosong hanya mendatangkan kemiskinan. - Amsal 14:23

Aktiviti: Susun semula perkataan-perkataan yang berikut dan gunakannya untuk mengisi ruang kosong pada muka surat yang seterusnya.

anaKna	brteuatab	nakmana	sufuY
gbnaa-gbnaa	ekluburan	ejetrhapnme	emgnasin

1. Terdapat tujuh tahun kelimpahan makanan dan tujuh tahun _____ di Mesir.
2. Apabila orang-orang datang kepada Firaun untuk meminta makanan, dia akan memberitahu mereka untuk "pergi kepada _____ dan lakukan apa yang disuruhnya."

3. Orang-orang dari merata negara datang ke Mesir untuk membeli _____.
4. Yusuf mengenal _____nya ketika mereka datang untuk membeli makanan.
5. Saudara-saudara itu tidak menyedari Yusuf boleh memahami mereka kerana dia berbicara kepada mereka melalui seorang _____.
6. Yusuf sangat terharu dengan apa yang dikatakan oleh abang-abangnya, kerana itu dia berpaling dan dengan senyap-senyap dia _____.
7. Abang-abang Yusuf perlu meninggalkan Simeon di Mesir dan kembali ke _____.
8. Yusuf tidak mahu membalas dendam, tetapi dia ingin menguji abang-abangnya untuk melihat jika mereka telah _____.

Lukiskan sebuah gambar Yusuf yang sedang berbicara dengan 10 orang saudaranya.



Tindakan: Susun semula huruf-huruf ini untuk mencari jawapan
 Kerana kerja keras Yusuf, Mesir mempunyai makanan yang mencukupi ketika masa kelaparan dan bahkan mampu membekalkan makanan kepada negara-negara lain. Apabila kita diberikan suatu tugas, bagaimanakah seharusnya sikap kita terhadap pekerjaan kita?

RKEEJBA RASEK _____

Yusuf telah disakiti oleh abang-abangnya bertahun-tahun yang lalu. Apakah yang seharusnya kamu lakukan apabila orang lain bersalah kepada kamu?

AAFMEMAKN _____

Berdoa: Ya Tuhan, bantulah saya untuk tidak bersikap malas tetapi untuk setia kepada tugas yang Engkau telah berikan kepada saya. Biarlah saya menjadi berkat kepada orang lain sama seperti Yusuf melalui ketaatan dan kerja keras saya. Amin.

Kejadian Jilid 2

Pelajaran 25: MASALAH YAKUB

Tema:


Jadilah orang yang boleh dipercayai

Tujuan Pelajaran:

Belajar untuk menjadi orang yang boleh menjadi tempat bergantung

Petikan Alkitab:

Kejadian 42:27-44:13



Pelajari

Kunci Pelajaran:

Yakub tidak mempercayai Ruben tetapi ketika Yehuda mengambil tanggungjawab itu, Yakub bersetuju untuk membenarkan anaknya yang bongsu Benyamin pergi kepada Yusuf. Yusuf juga tidak pasti jika dia boleh mempercayai sepenuhnya abang-abangnya dan kerana itu belum begitu bersedia untuk mendedahkan dirinya.

Ayat Hafalan:

Diberkatilah orang yang tabah menghadapi cubaan. Apabila mereka berjaya menangani cubaan itu, mereka akan mendapat mahkota kehidupan yang telah dijanjikan Allah kepada orang yang mengasihi-Nya. - Yakobus 1:12

Ayat Hafalan:

Diberkatilah orang yang tabah menghadapi cubaan. Apabila mereka berjaya menangani cubaan itu, mereka akan mendapat mahkota kehidupan yang telah dijanjikan Allah kepada orang yang mengasihi-Nya. - Yakobus 1:12

“Akan tetapi, hambamu ini telah _____ keselamatan anak muda ini di hadapan ayah hamba dengan berkata, ‘Jika aku tidak membawanya kembali kepada ayah, biarlah aku _____dosa itu terhadap ayah seumur hidup.’”
(Kej 44:32)

“Jadi sekarang, izinkan hambamu ini _____menggantikan anak muda ini untuk menjadi hamba tuanku, dan biarlah anak muda ini _____ dengan para saudaranya. Kerana bagaimana hamba boleh kembali kepada _____ hamba jika anak muda ini tidak bersama-sama hamba? Hamba tidak sanggup melihat ayah hamba menderita lantaran kesedihannya.”
(Kej 44:33-34)

Membina kepercayaan: Cabaran melepasi mez dengan mata bertutup.


Cari seorang pasangan.
Dapatkan penutup mata daripada guru kamu.

Minta pasangan kamu untuk mengikatkan penutup mata pada mata kamu. Kemudian ambil sebatang pensel dan bersedia untuk mencari jalan untuk keluar daripada mez daripada 'Mula' sehingga 'Tamat'. Pasangan kamu mestilah menolong kamu mencari jalan dengan memegang tangan kamu dan memimpin kamu.

Apabila kamu selesai, lakukan yang sama dengan pasangan kamu.

Adakah kamu mempercayai pasangan kamu untuk membantu kamu mencari jalan keluar daripada mez itu? Adakah kamu mampu menolong pasangan kamu?

Adakah kamu seorang rakan yang boleh dipercayai?



Aplikasi:

Yusuf mempunyai kesukaran untuk mempercayai abang-abangnya kerana itu dia memberikan mereka sebuah ujian dengan mencuba untuk merampas Benyamin daripada mereka.

Adakalanya, masalah-masalah yang kita hadapi adalah cara untuk menguji kita. Adakah kita belajar daripada ujian-ujian ini untuk menjadi orang yang boleh dipercayai?

Berdoa: Tuhan, bantulah saya untuk menjadi seseorang yang orang lain dapat percayai. Dalam nama Yesus, Amin.

Kejadian Jilid 2

Pelajaran 26: PERTEMUAN DAN PERDAMAIAN KELUARGA

Tema:

Pengampunan dan pertaubatan

Tujuan Pelajaran:

Untuk menerima pengampunan, kita perlu bertaubat.

Petikan Alkitab:

Kejadian 44:14-46:7



Pelajari

Kunci Pelajaran:

Adik-beradik itu tidak akan meninggalkan Benyamin biarpun jika ia bermaksud untuk menyerahkan kebebasan mereka. Yusuf melihat bahawa mereka benar-benar telah bertaubat untuk apa yang mereka telah lakukan kepadanya dan dia mendedahkan dirinya. Yusuf mengetahui bahawa Tuhan telah menggunakan situasi ini untuk menyelamatkan keluarganya daripada kelaparan dan untuk membawa mereka berkumpul kembali di Mesir.

Ayat Hafalan:

Tetapi jika kita mengakui dosa kita kepada Allah, Dia akan menepati janji-Nya dan berlaku adil. Dia akan mengampunkan dosa kita dan menyucikan kita daripada segala kesalahan. -
1 Yohanes 1:9

Kuiz Pantas: *Bulatkan jawapan yang betul*

1. Yusuf memberitahu saudaranya, "Allah telah mengirimkanku lebih awal daripada kamu untuk (memelihara/menyebarkan) bagi kamu sebuah (saki-baki/bangsa) di bumi dan untuk (menyelamatkan/memusnahkan) kehidupan kamu." (Kej 45:7)
2. Yusuf menghantar abang-abangnya pulang dan berkata kepada mereka, "Jangan (bermain/ bergaduh) dalam perjalanan!" (Kej 45:24)
3. Oleh itu Israel pergi ke Mesir bersama dengan semua yang dimilikinya, dan apabila dia tiba di Bersheba, dia mempersembahkan (anak-anaknya/ korban) kepada Tuhan bapanya Ishak. (Kej 46:1)

Uji diri anda: *Betul atau Salah*

1. Yusuf ingin membalas dendam terhadap abang-abangnya. _____
2. Yusuf menjemput keluarganya untuk tinggal di Gosyen. _____
3. Keluarga Israeil tidak dipersatukan lagi. _____
4. Firaun tidak membenarkan keluarga Yusuf tinggal di Mesir. _____
5. Yusuf berkata Tuhanlah yang telah menghantarnya ke Mesir untuk menyelamatkan keluarganya. _____

FIKIRKAN:

Yusuf ingin mengetahui jika abang-abangnya menyesal. Oleh itu dia memberikan mereka satu ujian. Daripada jawapan mereka tentang Benyamin, dia mengetahui bahawa mereka menyesal.

Apabila kita melakukan kesalahan dan ingin memohon maaf, apakah yang seharusnya kita lakukan terlebih dahulu?

Tindakan: Apabila orang yang memperlakukan kamu dengan cara yang salah meminta maaf daripada kamu, adakah kamu akan memaafkannya? Fikirkan tentang Yesus yang telah mati di kayu salib untuk dosa kita dan bersedia untuk mengampuni kita jika kita meminta daripada-Nya.

Berdoa: Ya Tuhan, tolonglah saya untuk memaafkan orang lain kerana Engkau telah mengampuni saya juga. Dalam nama Yesus, Amin.

Kejadian Jilid 2

Pelajaran 27: PENGHUJUNG KEJADIAN – PUAK MENJADI BANGSA

Tema:

Tuhan ialah Tuhan yang pengasih yang menggenapi rancangan-Nya melalui kita.

Tujuan Pelajaran:

Untuk mengulang kaji tema-tema utama dalam Kejadian.

Petikan Alkitab:

Tuhan ialah Pencipta yang pengasih. Dia menciptakan kita dan akan sentiasa mengasih dan memperhatikan kita. Dia mengutus Yesus Kristus untuk mati bagi dosa-dosa kita supaya kita dapat berada dalam hubungan yang benar dengan-Nya lagi.



Pelajari

Kunci Pelajaran:

1. Tuhan mencipta kita untuk mempunyai sebuah persekutuan dengan-Nya tetapi ketidaktaatan dan dosa memisahkan kita daripada Tuhan (Adam dan Hawa)
2. Untuk mendamaikan kita dengan diri-Nya sendiri, Tuhan memberikan Yesus sebagai korban bagi dosa-dosa kita. (Abraham dan Ishak) Tuhan memimpin, melindungi dan menyelamatkan umat-Nya (Abraham, Lut, Nuh dan Yusuf)
3. Tuhan memegang janji-janji-Nya. (perjanjian)
4. Tuhan menggunakan kita sebagai sebahagian daripada rancangan-Nya. (Yusuf)

Ayat Hafalan:

Allah begitu mengasih dunia sehingga menganugerahkan Anak-Nya yang tunggal supaya setiap orang yang percaya kepada-Nya tidak binasa melainkan mendapat hidup kekal. – Yohanes 3:16

Lukiskan anak panah yang menghubungkan nama-nama bapa dengan nama-nama anak untuk menunjukkan bagaimana Tuhan telah membentuk bangsa Israel daripada satu puak, keluarga Abraham.

Ishak

Abraham

Yusuf/bangsa Israel di Mesir

Yakub/
Israel

Fikirkan tentangnya:

Tuhan memegang janji-Nya kepada Abraham dan menjadikan keluarganya sebuah bangsa yang besar. Tuhan berjanji kepada Abraham bahwa “semua orang di bumi akan diberkati melalui kamu.” Bagaimanakah Tuhan melakukan hal ini?

Lihat pada Matius 1.

Siapakah nama keturunan Yesus yang pertama? A _ _ _ h _ m

Melalui keturunan Abraham, Tuhan mengutus Yesus sebagai Penyelamat kepada dunia, supaya semua orang yang percaya kepada-Nya menjadi sebahagian daripada keluarga Tuhan yang besar!

Apakah maksudnya menjadi sebahagian daripada keluarga besar Tuhan? Lukiskan dan warnakan apa yang kamu fikirkan pada kotak di bawah. Kamu boleh melibatkan orang-orang daripada pelbagai bangsa, umur, budaya dan pekerjaan! Jangan lupa untuk lukiskan diri kamu sendiri!



Tindakan:

Tuhan ialah Pencipta yang pengasih yang menginginkan sebuah hubungan dengan setiap daripada kita. Adakah kamu akan mempercayai Anak-Nya Yesus Kristus dengan penuh iman? Ia bermaksud memutuskan untuk mempercayai-Nya dengan segenap hidup kamu dan untuk mengikut-Nya. Minta guru kamu untuk berdoa bersama kamu untuk hal ini.

Berdoa: Ya Tuhan, saya mahu Yesus menjadi Tuhan dalam hidup saya. Ampuni dosa-dosa saya dan bantulah saya untuk mempercayai-Mu. Dalam nama Yesus, Amin.

SAMPLE

SAMPLE


Siri Penjelajah Visual Alkitab




Kejadian - Pada Mulanya




Musa dan Keluaran




Yosua dan Hakim-Hakim




Cerita Kehidupan Yesus



Kisah Rasul-Rasul Jilid 1



Kisah Rasul-Rasul Jilid 2



Raja-Raja dan Nabi-Nabi Israel